



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 10/2020 (Pindaan No.1)

1. Dasar Cukai Perkhidmatan No.10/2020 dipinda seperti berikut:

1.1 Menggantikan perenggan 1, perenggan yang berikut:

1. Berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**, perkhidmatan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan adalah tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan selaras dengan item (I), Kumpulan G, Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

1.2 Memasukkan perenggan baru 4.4 selepas perenggan 4.3:

4.4 Perenggan 4.3(iii) akan digunapakai seperti berikut:

- i. Penyedia perkhidmatan digital mengenakan fi/caj kepada penerima perkhidmatan (pemegang akaun bank) yang membuat pemindahan atau pengeluaran wang;
- ii. Fi/caj yang dikenakan merujuk kepada bayaran untuk transaksi pengeluaran atau pemindahan wang sahaja; dan
- iii. Fi/caj dikenakan terus kepada penerima perkhidmatan (pemegang akaun bank).

1.3 Menggantikan perenggan 5.2, perenggan yang berikut:

- 5.2 Perkhidmatan digital selain daripada perkhidmatan digital berkaitan dengan perbankan/kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan yang disenaraikan di perenggan 4.1 – 4.4 di atas.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA**